

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Khamis, 23 Jun 2022**



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
BAGI PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA
INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN
APRIL 2022**

**Indeks Pelopor menunjukkan perubahan tahunan yang lebih baik pada
negatif 0.5 peratus, menjangkakan pemulihan ekonomi
ke hadapan yang lebih baik**

PUTRAJAYA, 23 JUN 2022 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA: INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN BAGI APRIL 2022**. Indeks Pelopor (IP) merupakan alat yang digunakan untuk menjangkakan kenaikan dan penurunan ekonomi dalam purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Prestasi IP bagi April 2022 mereda kepada negatif 0.5 peratus, mencatatkan pertumbuhan negatif yang lebih baik daripada negatif 1.4 peratus pada Mac 2022. Penurunan dalam IP dipengaruhi terutamanya oleh kemerosotan Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan disebabkan oleh penurunan permohonan daripada pemaju pada bulan tersebut. Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, IP menyusut kepada negatif 0.5 peratus disebabkan oleh Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan (-1.4%), Bilangan Syarikat Baru Didaftar (-0.5%) dan Indeks Perusahaan Bursa Malaysia (-0.3%)".

Walaupun IP perlahan pada bulan rujukan, hala tuju yang ditunjukkan oleh IP terlicin kekal menggalakkan dengan konsisten melebihi arah aliran jangka panjang dan mencatatkan mata indeks yang lebih baik (**Paparan I**). Ini menunjukkan bahawa hala

tuju trend pemulihan ekonomi Malaysia bertambah baik. Namun begitu, isu inflasi dan kenaikan harga komoditi perlu diberi perhatian dengan mengambil kira situasi global.

Indeks Serentak (IS) yang mengukur prestasi ekonomi semasa secara keseluruhan semakin meningkat sejak Februari 2022, mencerminkan peningkatan dalam aktiviti ekonomi dengan pengoperasian lebih banyak aktiviti ekonomi dan sosial pada kapasiti penuh. IS terus meningkat sebanyak 5.3 peratus tahun ke tahun untuk mencapai 120.3 mata pada April 2022. Berasaskan bulanan, pertumbuhan IS meningkat kepada 2.0 peratus pada bulan rujukan berbanding 1.4 peratus pada bulan sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan ketara dalam Indeks Kuantiti Perdagangan Runcit (1.6%). Berhubung dengan tempoh rujukan bagi kitaran perniagaan di Malaysia, IS mengesan kemelesetan akibat pandemik COVID-19 bermula pada Februari 2020 dan berakhir pada Julai 2021.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStatsS1_2022.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA


JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

23 JUN 2022

LAMPIRAN I

Paparan I:

Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan



Nota: † Kemaskini

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Thursday, 23 June 2022**



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS
LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES
APRIL 2022**

The Leading Index showed a better annual change at negative 0.5 per cent, signifying better economic recovery ahead

PUTRAJAYA, 23 JUNE 2022 - Today, the Department of Statistics Malaysia released the **MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS: LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES FOR APRIL 2022**. The Leading Index (LI) is a predictive tool used to anticipate economic upturns and downturns in an average of four to six months ahead.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "The performance of LI for April 2022 eased to negative 0.5 per cent, registering a better negative growth from negative 1.4 per cent in March 2022. The decreased in LI was influenced mainly by the dropped in Number of Housing Units Approved caused by the declined in applications from developers during the said month. Based on month-on-month comparison, LI slipped to negative 0.5 per cent dragged by the Number of Housing Units Approved (-1.4%), Number of New Companies Registered (-0.5%) and Bursa Malaysia Industrial Index (-0.3%)".

Despite the soften in LI for the reference month, the direction portrayed by the smoothed LI remained favourable by consistently above the long term trend and registered better index points (**Exhibit I**). This implies that the trend of Malaysia's economic recovery is in better direction. Nevertheless, the issue of inflation and rising commodity prices need to be taken into account considering the global situation.

The Coincident Index (CI) which measures the overall current economic performance is picking up since February 2022, reflecting an increase in economic activities with the

economic and social activities are operating at full capacity. The CI continued to climb by 5.3 per cent year-on-year to attain 120.3 points in April 2022. On monthly basis, the growth of CI increased to 2.0 per cent in the reference month as compared to 1.4 per cent in the previous month. The growth was driven by the significant increased in Volume Index of Retail Trade (1.6%). In relation to the reference period of the Malaysian business cycle, the CI detected a recession induced by the COVID-19 pandemic beginning in February 2020 and ending in July 2021.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.


DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
23 JUNE 2022**

APPENDIX I

Exhibit I: Leading Composite Index (Long Term Trend = 100) and Business Cycle



Note: ^r Revised